

MAHATHIR - MCA ''''
(1)

OLEH IOZAN ISMAIL

1984

KUALA LUMPUR, 21 MAC (BERNAMA) - - KEDUDUKAN DUA ORANG TIMBALAN MENTERI YANG DIPECAT DARI MCA DALAM KERAJAAN AKAN DIKAJI SEMULA SEDIKIT MASA LAGI, KATA DATUK SERI O R MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

''MEMANG SAYA YERPAKSA MENGAJIK SEMULA KEDUDUKAN DATUK DR LING LIONG SIK DAN DATUK L E E KIM SAI MEMANDANGKAN MEREKA TIDAK LAGI MEWAKILI MCA DALAM KERAJAAN, '' KATA PERDANA MENTERI KEPADA BERNAMA.

BELIAU BERKATA BUAT MASA INI, KEDUA-DUA TIMBALAN MENTERI ITU AKAN TERUS DALAM KERAJAAN KERANA BELUM ADA KEPUTUSAN DIBUAT MENGENAI KEDUDUKAN MEREKA.

DATUK DR LING, TIMBALAN MENTERI KEWANGAN DAN ANGGOTA JAWATAN KUASA PUSAT MCA, DAN DATUK LEE, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN KETUA PEMUDA MCA, ADALAH DI ANTARA 14 ORANG ANGGOTA YANG DIPECAT DARI PARTI DUA HARI LALU ATAS APA YANG DISIFATKAN OLEH PUCUK PIMPINAN MCA SEBAGAI MENJALAN KEGIATAN YANG MENJEJASKAN PARTI.

DATUK SERI DR MAHATHIR TIDAK DAPAT MENYATAKAN BILA KAJIAN SEMULA ITU AKAN DIBUAT KERANA BELIAU AKAN BERLEPAS ESOK UNTUK LA W A T A N R A S M I KE PAKISTAN. -- LAGI 1945/II

MAHATHIR - MCA 2 KUALA LUMPUR ''''

BELIAU MENGESAHKAN PEMANGKU PRESIDEN MCA DATUK DR NEO YEE P A N TELAH MENEMUI BELIAU SEMALAM UNTUK MENJELASKAN KEDUDUKAN DATUK DR LING DAN DATUK LEE D A M MEMINTA BELIAU SUPAYA MENGGUGURKAN MEREKA DARIPADA KERAJAAN.

PERDANA MENTERI ENGGAN MENGULAS LANJUT MENGENAI PERTEMUAN ITU TETAPI BERKATA BELIAU TELAH MENDENGAR PENJELASAN DATUK DR NEO DAN BELIAU TERPAKSALAH MENIMBANGKAN PENDA... -PENDAPAT YANG TELAH DILAHIRKAN.

'' SUDAH PASTI SAYA PERLU MENIMBANGKAN PERMINTAAN DATUK DR NEO ITU. KEDUA-DUA MEREKA ITU MEWAKILI MCA DALAM KERAJAAN TETAPI KINI BUKAN LAGI ANGGOTA MCA. MEMANG MENASABAH BAGI DATUK DR NEO MENGEMUKAKAN PERMINTAAN SEPERTI ITU, '' TAMBAHNYA.

MENGENAI KRISIS M C A BERIKUTAN PEMECATAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi Barisan Nasional Berkata BELIAU TERPAKSALAH MENGAWASI KEADAAN.

BELIAU YAKIN DATUK DR NEO DAPAT MENGAWAL KEADAAN DAN PUCUK PIMPINAN MCA MUNGKIN TELAH MENCARI IKHTIAR MENGATASI KRISIS TERSEBUT.

''SAYA TIDAK MAHU MELIHAT SEBARANG KRISIS, TETAPI JIKA ADA KRISIS, MCA HENDAKLAH MENYELESAIKANNYA, '' TEGASNYA. - - BERNAMA 1950/II